

23 OCT 1998

BELANJAWAN-PENTADBIRAN CUKAI/I
LHDN PERKEMASKAN SISTEM PENTADBIRAN CUKAI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Sebagai usaha memoden dan memperkemaskan sistem pentadbiran cukai, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bercadang untuk mengubah sistem pengenaan cukai pendapatan berasaskan pendapatan yang diperolehi pada tahun sebelumnya kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa mulai tahun 2000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam membentangkan Belanjawan 1999 hari ini, berkata matlamat perubahan itu adalah untuk meningkatkan kecekapan pengutipan cukai pendapatan untuk memastikan aliran tunai kerajaan mencerminkan pencapaian semasa ekonomi.

Beliau juga berkata langkah ini akan mempertingkatkan tahap pematuhan cukai kerana sistem baru ini boleh dikaitkan secara lansung dengan pencapaian ekonomi dan keupayaan membayar.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama, mencadangkan pendapatan yang diperolehi pada tahun 1999 tidak dikenakan cukai manakala kerugian pada 1999 dibenarkan di bawah ke tahun berikutnya.

Beliau juga mencadangkan yang sistem taksiran formal yang diamalkan pada masa ini berhubung dengan cukai pendapatan ditukar kepada sistem taksiran sendiri secara berperingkat-peringkat bermula tahun taksiran 2001 bagi syarikat-syarikat.

Bagi perniagaan, perkongsian dan koperasi sistem taksiran sendiri akan dilaksanakan pada 2003 dan bagi kumpulan penggajian pada 2004.

-- BERNAMA

DVS JR MA